

# Penyelidikan perubahan iklim tidak cukup

► Walaupun kesedaran mengenai perubahan iklim semakin mendapat perhatian

Oleh I.SAB KHAN  
MUKARAB SHAH

UB 4.3.2014 AG  
**KOTA KINABALU:** Penyelidikan khas mengenai perubahan iklim yang dilakukan di Malaysia masih belum mencukupi untuk menghasilkan polisi dan dasar kerajaan, kata Naib Pengerusi Kumpulan Kerja 1 Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) Prof Dr Fredolin T Tangang.

IPCC adalah sebuah badan antara kerajaan yang saintifik ditubuhkan oleh Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) dan Pertubuhan Meteorologi

Sedunia (WMO). Organisasi berkenaan berperanan dalam menilai pengetahuan awam mengenai perubahan iklim dan mengumpulkannya dalam laporan penilaian.

Fredolin yang juga Profesor Klimatologi dan Oseanografi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, walaupun kesedaran mengenai perubahan iklim mendapat tarikan sejak beberapa tahun yang lalu, namun masih terdapat keperluan mendesak bagi dasar-dasar yang lebih baik untuk menggalakkan masa depan yang lebih mampan.

Menurutnya, di Malaysia masih belum terdapat penyelidikan yang mencukupi

“Di Malaysia masih belum terdapat penyelidikan yang mencukupi mengenai subjek berkenaan. Perubahan iklim yang berlaku ini disebabkan oleh aktiviti manusia. Dalam tempoh 100 tahun yang lalu, suhu telah meningkat sebanyak 0.85 darjah celsius dan untuk 100 tahun yang akan datang, jika tiada apa-apa yang dilakukan, suhu mungkin meningkat sehingga enam darjah celsius.”

**PROF DR FREDOLIN T TANGANG**  
Naib Pengerusi Kumpulan Kerja 1 IPCC



**FREDOLIN (kiri) menerima cenderamata.**

mengenai subjek berkenaan.

“Perubahan iklim yang berlaku ini disebabkan oleh aktiviti manusia. Dalam tempoh 100 tahun yang lalu, suhu telah meningkat sebanyak 0.85 darjah celsius dan untuk 100 tahun yang akan datang, jika tiada apa-apa yang dilakukan, suhu mungkin meningkat sehingga enam darjah celsius,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Kuliah Perubahan Iklim Awam di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini kelmarin.

Menurutnya, pelepasan gas-gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan metana menghalang kehangatan dari matahari yang akan dikeluarkan daripada atmosfera bumi.

“Kehangatan itu kemudiannya terperangkap di dalam atmosfera bumi, mewujudkan peningkatan dalam haba atmosfera dan proses ini dikenali sebagai kesan rumah hijau,” katanya.

Fredolin berkata, implikasi perubahan iklim termasuk peningkatan dalam paras laut disebabkan oleh pencairan ais dan keadaan cuaca yang



**FREDOLIN berucap di majlis itu.**

buruk.

“Kami mendengar perkara ini disebut banyak kali di seluruh dunia tetapi cara untuk mengatasinya masih tidak banyak yang dilakukan,” katanya.

Bagaimanapun, beliau percaya bahawa Malaysia sudah menjalankan tugasnya dengan baik dan berusaha ke arah masa depan yang lebih

baik.

Beliau turut menyebut hasrat Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus pada tahun 2020 sebagai satu contoh usaha ke arah yang lebih baik kerana kerajaan memainkan peranan penting dalam mewujudkan masa depan yang mampan untuk semua.